



KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI
(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

No.15, Aras 10, Persiaran Perdana, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62654 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 03-8880 3334
Faks: 03-8880 3345
E-mel: paksu@mpi.gov.my

Ruj: MPI100.100-1/6/2

31 Mei 2021

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato' Dr./Dr./Tuan,

**SURAT KEBENARAN BEROPERASI BAGI SEKTOR PERLADANGAN DAN
KOMODITI BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
1 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Dato' Dr./Dr./Tuan sedia maklum, pihak Kerajaan telah menetapkan Sektor Perladangan dan Komoditi sebagai perkhidmatan perlu di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) bermula 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021.

3. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi selaku kementerian yang bertanggungjawab terhadap sektor agrikomoditi dengan ini memaklumkan bahawa agensi kawal selia di bawah kementerian diberi kuasa untuk mengeluarkan surat kebenaran beroperasi bagi sub sektor sawit, getah, koko dan lada serta rantaiannya dengan perincian seperti berikut:

3.1 Sub Sektor Sawit dan rantaiannya

Agensi kawal selia: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Aktiviti yang dibenarkan:

- (i) aktiviti penuaian, pengumpulan, pengangkutan, dan penyelenggaraan pada peringkat ladang, kebun dan tapak semaian;

- (ii) aktiviti dagangan berkaitan jualan, belian, penggredan, pengangkutan dan pengumpulan;
- (iii) pembekalan input pertanian termasuklah anak benih, baja, racun, peralatan, alat ganti jentera dan mesin; dan
- (iv) aktiviti pengilangan dan pemprosesan termasuk kilang buah kelapa sawit, kilang pelumat isirung sawit dan kilang penapisan sawit.
- (v) aktiviti menguji, mengukur, mengeksport dan mengimpor keluaran sawit

3.2 Sub Sektor Getah dan rantaiannya

Agensi kawal selia: Lembaga Getah Malaysia (LGM)

Aktiviti yang dibenarkan:

- (i) aktiviti penuaian, pengumpulan, pengangkutan, dan penyelenggaraan pada peringkat ladang, kebun dan tapak semaian;
- (ii) aktiviti dagangan berkaitan jualan, belian, penggredan, pengangkutan dan pengumpulan;
- (iii) pembekalan input pertanian termasuklah anak benih, baja, racun, peralatan, alat ganti jentera dan mesin; dan
- (iv) aktiviti pengilangan dan pemprosesan getah.

3.3 Sub Sektor Koko dan rantaiannya

Agensi kawal selia: Lembaga Koko Malaysia (LKM)

Aktiviti yang dibenarkan:

- (i) aktiviti penuaian, pengumpulan, pengangkutan, dan penyelenggaraan pada peringkat ladang, kebun dan tapak semaian;
- (ii) aktiviti dagangan berkaitan jualan, belian, penggredan, pengangkutan dan pengumpulan;

- (iii) pembekalan input pertanian termasuklah anak benih, baja, racun, peralatan, alat ganti jentera dan mesin; dan
- (iv) aktiviti pengilangan dan pemprosesan termasuk kilang pengisar koko.

3.4 Sub Sektor Lada dan rantaiannya

Agensi kawal selia: Lembaga Lada Malaysia (MPB)

Aktiviti yang dibenarkan:

- (i) aktiviti penuaian, pengumpulan, pengangkutan, dan penyelenggaraan pada peringkat ladang, kebun dan tapak semaian;
- (ii) aktiviti dagangan berkaitan jualan, belian, penggredan, pengangkutan dan pengumpulan;
- (iii) pembekalan input pertanian termasuklah anak benih, baja, racun, peralatan, alat ganti jentera dan mesin; dan
- (iv) aktiviti pengilangan dan pemprosesan termasuk loji pembersihan dan penseterilan lada.

3.5 Sub Sektor Biodiesel dan rantaiannya

Agensi kawal selia: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK)

Aktiviti yang dibenarkan:

- (i) aktiviti pengeluaran, penyulingan, penyimpanan, pengadunan, pengagihan bahan api dan pelincir; dan
- (ii) aktiviti dagangan berkaitan jualan, belian, penggredan dan pengangkutan.

4. Sehubungan dengan itu, setiap agensi kawal selia di bawah kementerian adalah diminta untuk mengeluarkan surat kebenaran beroperasi mengikut sub sektor masing-masing sepanjang tempoh PKP Fasa 1 bagi tempoh 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021


selaras dengan surat kementerian dengan mematuhi SOP Sektor Agrikomoditi seperti di **Lampiran I**.

5. Perhatian dan tindakan pihak YBhg. Dato' Dr./Dr./Tuan berhubung perkara ini adalah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.
Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK RAVI MUTHAYAH)

Salinan Kepada:

SUSK YB Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

SUSK YB Timbalan Menteri I Perusahaan Perladangan dan Komoditi

SUSK YB Timbalan Menteri II Perusahaan Perladangan dan Komoditi

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Ketua Pengarah Kesihatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 12, Blok E7, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 Putrajaya

Ketua Setiausaha

Kementerian Dalam Negeri

Aras 5, Blok D9, Kompleks D

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62546 Putrajaya

Ketua Pengarah Majlis Keselamatan Negara

Jabatan Perdana Menteri

Aras LG dan G Blok Barat

Bangunan Perdana Putra

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 Putrajaya

Ketua Polis Negara Polis Diraja Malaysia

Ibu Pejabat Polis Diraja Malaysia

Bukit Aman

50560 Kuala Lumpur

Senarai Edaran:

1. Ketua Pengarah

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)

Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi

43000 Kajang

SELANGOR

Tel: 603-8769 4400/ Fax: 603-89259446

2. Ketua Pengarah

Lembaga Getah Malaysia (LGM)

Bangunan Getah Asli (Menara)

17 & 18 Floor Bangunan Getah Asli

148 Jalan Ampang

50450 Kuala Lumpur

W.P KUALA LUMPUR

Tel: 603-92062000/ Fax: 603-21634492

3. Ketua Pengarah

Lembaga Koko Malaysia

Tingkat 5-7, Wisma SEDCO

Lorong Plaza Wawasan

Off Coastal Highway, Beg Berkunci 211

88999 Kota Kinabalu

SABAH

Tel: 088-206 400/ Fax: 088-239575

4. Ketua Pengarah

Lembaga Lada Malaysia

Lot 1115, Jalan Utama

93450 Kuching

SARAWAK

Tel: 608-2 331811/ Fax: 608-2 336877

5. Setiausaha Bahagian Biobahan Api (BBA)

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi